

30/01/2000

Polis siasat tuntutan RM12 juta syarikat jam Switzerland

KUALA LUMPUR: Polis akan menyiasat tuntutan RM12 juta yang dibuat oleh sebuah syarikat jam dari Switzerland terhadap sebuah badan bukan kerajaan yang dikatakan ada kaitan dengan Wanita Umno.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, polis akan memulakan siasatan menyeluruh sebaik saja menerima laporan mengenai kes itu.

"Bagaimanapun saya sendiri masih belum pasti sama ada laporan sudah dibuat mengenai kes tuntutan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Berita Harian kelmarin mengenai tuntutan sebuah pengeluar jam berpusat di Switzerland terhadap sebuah NGO di sini supaya memulangkan kira-kira 300 jam tangan yang ditempah khas selepas ia gagal menjelaskan bayaran RM12 juta.

Jam tangan yang tertera gambar dan tandatangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, dikatakan ditempah khas pada harga RM40,000 setiap satu.

Mereka yang membuat tempahan itu dikatakan mahu Perdana Menteri melancarkan jam berkenaan supaya dapat menjualnya kepada pemimpin Umno dan tokoh korporat.

Tempahan itu dikatakan tidak memerlukan wang pendahuluan kerana NGO berkenaan menggunakan surat sokongan seorang pemimpin kanan Pergerakan Wanita Umno yang kononnya sudah mendapat persetujuan Dr Mahathir untuk pelancaran itu.

Pertubuhan itu, bagaimanapun, menghadapi masalah untuk menjualnya apabila Perdana Menteri dikatakan tidak bersetuju untuk melancarkan jam berkenaan.

(END)